

SOALAN NO. 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status serta langkah-langkah dalam mencapai 30 peratus penglibatan wanita dalam kapasiti pembuat keputusan (sektor awam dan swasta) seperti dijanjikan pada tahun 2004 dan dirangkum dalam Rancangan Malaysia ke-6 (2006-2010).

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah menetapkan Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan dalam Sektor Awam pada tahun 2004. Dasar ini telah menunjukkan pencapaian yang amat menggalakkan. Peratusan wanita yang menyandang jawatan utama sektor awam (JUSA) telah meningkat daripada 18.8% pada tahun 2004 kepada 25.2% pada tahun 2006 dan telah melonjak kepada 33.7% pada tahun 2013. Hingga Ogos 2014, terdapat 7 orang wanita yang menjawat jawatan sebagai Ketua Setiausaha Kementerian dan 25 orang wanita yang menjawat jawatan sebagai Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan dan Badan Berkanun.

Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Korporat yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 Jun 2011 pula merupakan satu langkah *affirmative* oleh Kerajaan yang diyakini dapat meningkatkan bilangan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menggariskan penglibatan wanita sebagai ahli lembaga pengarah (ALP) syarikat sebagai salah satu indikator penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat. Berdasarkan data daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia, sehingga Mei 2014, sebanyak 14 peratus iaitu 3,266 orang daripada keseluruhan ahli lembaga pengarah yang berjumlah 23,335 orang di syarikat awam (*Public Companies*) adalah wanita. Syarikat awam merangkumi syarikat tersenarai awam (*Public Listed Companies*) yang mana peratus ALP wanita adalah sebanyak 9.8 peratus dan syarikat tidak tersenarai awam (*Non-Public Listed Companies*) yang mana peratus ALP wanita adalah sebanyak 15.3 peratus.

KPWKM terus mengambil pelbagai langkah untuk memastikan kumpulan wanita yang kompeten dapat diketengahkan sebagai ahli lembaga pengarah. Program Pengarah Wanita atau *Women Directors' Programme* telah dilaksanakan oleh *NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW)*, agensi di bawah KPWKM sejak tahun 2012.

Dari tahun 2012 hingga Oktober 2014, seramai 828 calon pengarah wanita telah dilatih dalam program tersebut. Bagi tempoh Januari 2013 hingga Oktober 2014, jumlah penempatan ALP wanita di syarikat tersenarai awam adalah 164.

KPWKM telah melaksanakan program-program khas bagi mempromosikan Program Pengarah Wanita serta calon pengarah wanita seperti:

- (i) *Women Directors' Mini Lab;*
- (ii) *Breakfast Talk on Women Directors' Programme;*
- (iii) *Roadshow on Women Directors' Programme;*
- (iv) *Women Directors' Convention dan Chairman Power Breakfast;*
- (v) *Women Directors' Dialogue; dan*
- (vi) *Women Directors' Training Programme Initiative 1/2014.*

KPWKM juga meneruskan kerjasama dengan badan-badan lain seperti Bursa Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan *Talent Corporation Malaysia Berhad* untuk memastikan kejayaan pelaksanaan Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita Di Peringkat Pembuat Keputusan Dalam Sektor Korporat.